

UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EDISI SEMAKAN

PENGGAL 110

PADERI APOSTOLIC KUCHING
(PERBADANAN)

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran pendek
2. Paderi Apostolic Kuching hendaklah menjadi sebuah pertubuhan diperbadankan
3. Kuasa-kuasa
4. Perletakan hak harta
5. Dokumen-dokumen
6. Menggunakan meterai perbadanan

**AKTA PADERI APOSTOLIC KUCHING
(PERBADANAN)**

12 tahun
1953

**Satu Akta bagi perbadanan Paderi Apostolic Kuching
dan hal-hal yang berkaitan dengannya.**

Permulaan kuatkuasa : 11hb Ogos 1973

Gelaran
pendek

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Paderi Apostolic Kuching (Perbadanan).

Paderi
Apostolic
Kuching
hendaklah
menjadi
pertubuhan
diperbadan-
kan

2. (1) Pemegang yang sah pada ketika itu bagi jawatan Paderi Apostolic Kuching adalah dengan ini ditubuhkan sebuah pertubuhan diperbadankan di bawah nama Paderi Apostolic Kuching, selepas ini dipanggil sebagai perbadanan.

(2) Perbadanan tersebut bagi maksud-maksud Akta ini boleh mendakwa dan didakwa atas namanya itu dan hendaklah turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan.

Kuasa-kuasa

3. Perbadanan tersebut boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati setiap jenis harta alih dan takalih dan boleh menyerahkan balik dan menghasilkan, cagaran, pajakan, pajakan kecil, serahak semula, pindahmilik atau yang dilepaskan atau diselesaikan dengan jalan lain, mana-mana harta alih atau takalih yang diletakkan dalam tangan perbadanan tersebut menurut syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh perbadanan tersebut.

Perletakan
hak
harta

4. Semua harta takalih yang terletak dalam Brunei dan dengan ini dipindahak dan diserahkan kepada atau diletak dalam tangan Perutusan Katolik, Borneo Utara, atau Ketua Apostolic bagi Borneo Utara, sama ada dengan atau tanpa nama paderi yang memegang jawatan tersebut pada ketika itu, dengan ini adalah diletak dalam tangan perbadanan tersebut bagi harta-harta pusaka dan faedah-faedah masing-masing bagi yang mana harta takalih itu dipegang.

5. Mana-mana suratikatan, dokumen atau suratcara-suratcara yang lain, yang mana kuatkuasanya belum lagi luput atau selesai terdahulu dari tarikh permulaan kuatkuasa Akta ini dan dalam mana tertera nama Perutusan Katolik, Borneo Utara, atau Ketua Apostolic bagi Borneo Utara hendaklah dibaca dan ditakrifkan seolah-olah digantikannya dengan nama yang diperbadankan bagi Paderi Apostolic Kuching.

Dokumen-
dokumen

6. Semua suratikatan, dokumen dan suratcara yang lain yang menghendaki meterai perbadanan hendaklah dimeteraikan dengan meterai perbadanan di hadapan Paderi Apostolic Kuching yang ada pada ketika itu atau wakilnya yang telah diberi kuasa dengan suatu Suratkuasa Wakil yang terdapat di bawah bab 3 dari Akta Suratkuasa Wakil, dan hendaklah juga ditandatangani oleh Paderi Apostolic Kuching yang ada pada ketika itu atau wakilnya yang telah diberi kuasa sebagaimana yang disebutkan sebelumnya, dan penandatanganan tersebut hendaklah menjadi bukti keterangan yang memuaskan bahawa meterai tersebut telah diperturunkan dengan sepatutnya dan sempurna dan bahawa meterai tersebut adalah meterai perbadanan yang sah.

Mengguna-
kan meterai
perbadanan